

→ INSPIRASI



Jubair bermesra dan memberi makan sekumpulan arnab di Arnab Village, Ranau.

Hobi bertukar jadi usahawan

➔ Graduan UMS jadikan arnab sebagai tarikan terbaru daerah Ranau

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah
thaddius@bh.com.my

Ranau

Hobi seorang graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) memelihara arnab sebagai haiwan kesayangan, kini bertukar menjadi tarikan terbaru pengunjung ke daerah ini.

Arnab Village atau perkampungan arnab milik Jubair Juhinin di Kampung Purakagis di sini, menjadi destinasi baharu persinggahan pengunjung, selain keindahan Gunung Kinabalu, kolam air panas Poring, Ladang Sabah Tea atau tagal ikan Kampung Luanti.

Pada mulanya, Jubair, 26, yang juga graduan Sains Akukultur UMS pada 2013, hanya memelihara sepasang arnab di rumah keluarga di kampung itu.

Kesungguhan membina dan menambah koleksi haiwan comel terbabit sejak akhir tahun lalu, membolehkan beliau kini memiliki koleksi lebih 200 arnab daripada pelbagai spesies yang dilepas bebas dalam kawasan berpagar seluas kira-kira 100 meter persegi.

Dorongan kawan

Meskipun asalnya tidak merancang menjadikan hobi itu sebagai produk pelancongan baharu, keluarga dan rakan mendorongnya mengembang-

Pengunjung berpeluang memberi makan dan bermesra dengan arnab di Arnab Village, Ranau.

Info

Arnab Village

- Terletak di Kampung Purakagis, Ranau
- **1.6 kilometer** dari simpang masuk Kampung Kibbas, Jalan Ranau-Kundasang
- **Lebih 200 arnab** daripada 8 spesies dipelihara
- **Sasaran 1,000** arnab menjelang tahun depan
- **6,000 pengunjung** melawat dalam tempoh dua bulan sejak Ogos lalu



kan potensi haiwan terbabit sebagai tarikan ke sini sejak Ogos lalu.

"Sebelum itu, ada rakan bertanya sama ada mereka berkunjung ke ladang arnab saya kerana tertarik dengan gambar yang dimuat naik mereka laman sosial Facebook.

"Apabila datang ke sini, mereka tertarik dan mencadangkan saya membuka ladang arnab untuk kunjungan orang ramai. Mereka membantu menyebarkan gambar dan maklumat mengenai ladang ini hingga menjadi viral."

"Sejak itu, saya mengambil keputusan membuka ladang arnab ini kepada orang ramai mulai Ogos lalu dengan pengunjung dikenakan bayaran masuk RM3 bagi dewasa dan RM2 bagi kanak-kanak," katanya ketika ditemui BH.

Bagi menambah daya tarikan pengunjung, ladang terbabit dijenama-

kan sebagai Arnab Village Homestay dengan Jubair selaku Pengurusan besar, bekerja sepuhnya masa sambil dibantu beberapa ahli keluarga.

Katanya, dalam tempoh dua bulan sejak Ogos lalu, lebih 6,000 pengunjung melawat Arnab Village dengan kebanyakannya terdiri daripada keluarga dan rombongan sekolah, termasuk murid tadika.

Ketika ini, lapan spesies arnab dipelihara di ladang berkenaan iaitu Holland Lop Ear; Standard Rex; Netherland Dwarf; New Zealand White; France White; Lion Head; Mini Satin dan Anggora.

Semua spesies berkenaan, katanya, diperoleh daripada pemerkasa arnab tempatan, termasuk Pusat Pembibitan Unggas dan Arnab (PPUA) Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah (JPHPT) di Bantayan, Tuaran.

"Selain membiakk arnab sedia ada, saya juga membeli arnab daripada pemerkasa lain untuk menambah lagi bilangannya dengan sasaran mencapai 1,000 ekor arnab dipelihara di sini menjelang tahun depan."

Perbesarkan ladang

"Ketika ini, kami dalam proses membesarkan lagi kawasan ladang arnab. Secara keseluruhan ia membatikan kawasan seluas kira-kira 0.4 hektar, termasuk ruang letak kereta, restoran, inap desa dan kaunter pendaftaran pengunjung," katanya.

Beliau berkata, setakat ini ladang itu hanya memelihara arnab sebagai tarikan pengunjung dan belum merancang untuk menjadikannya sebagai ternakan komersial untuk jualan atau daging.